



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB PUAN HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**PROGRAM NUR RAMADAN WILAYAH PERSEKUTUAN
(PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA)
2026/1447H**

23 FEBRUARI 2026 (ISNIN)

6.00 PETANG

**DEWAN SERI SIANTAN, PERBADANAN PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

SALUTASI DISEDIAKAN

Salam sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Wilayah Persekutuan.

PEMBUKAAN

1. Terima kasih kerana hadir pada petang ini.
2. Majlis ini menghimpunkan kita sebagai satu komuniti Wilayah Persekutuan sebagai satu masyarakat yang saling menyokong.
3. Ramadan merupakan bulan yang bermakna bagi umat Islam dan dalam masyarakat majmuk Malaysia, ia memperkukuh nilai kebersamaan, keprihatinan dan semangat berkongsi.
4. Peranan kerajaan adalah memastikan nilai ini diterjemahkan melalui dasar dan program yang memberi manfaat nyata kepada rakyat.
5. Saya merakamkan penghargaan kepada para penjawat awam yang memastikan setiap inisiatif kerajaan dilaksanakan dengan baik dan sampai kepada rakyat.

KOMITMEN KERAJAAN & PROGRAM NUR RAMADAN

Hadirin sekalian,

6. Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan 2026 mencerminkan komitmen kerajaan menyokong komuniti sepanjang Ramadan.
7. Program ini dilaksanakan melalui kerjasama Jabatan Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Labuan dan MAIWP bagi memastikan bantuan disampaikan secara tersusun dan berkesan.
8. Kerajaan yang baik bukan hanya merancang, tetapi turun padang, mendengar dan bertindak.

SUMBANGAN KEPADA GOLONGAN MEMERLUKAN

9. Bagi tahun 2026, MAIWP memperuntukkan RM1.02 juta kepada golongan asnaf dan fakir miskin di Wilayah Persekutuan.
10. Seramai 5,100 penerima akan menerima bantuan tunai RM200 setiap seorang:
 - 3,300 di Kuala Lumpur,
 - 300 di Putrajaya, dan
 - 1,500 di Labuan.
11. Walaupun sederhana, bantuan ini memberi kelegaan kepada keluarga yang memerlukan, dan kejayaannya bergantung kepada pelaksanaan yang cekap serta berintegriti.

PERANAN MASJID DAN SURAU

12. Sebagai sokongan, Jabatan Wilayah Persekutuan menyalurkan sumbangan khas RM5,000 kepada masjid dan surau rakan strategik Program Nur Ramadan di Kuala Lumpur dan Labuan yang memainkan peranan penting sebagai institusi komuniti dan pusat sokongan sepanjang Ramadan.

FESTIVAL RAMADAN PUTRAJAYA 2026

Saya juga mengajak semua memeriahkan Festival Ramadan Putrajaya 2026 (FRP26) dari 18 Februari hingga 19 Mac di Presint 3.

13. Festival ini membuka peluang ekonomi kepada peniaga kecil, menghidupkan aktiviti komuniti dan memanfaatkan ruang awam secara inklusif, selaras dengan Tahun Melawat Malaysia 2026.

INISIATIF BANDAR LESTARI

14. Festival ini turut menyokong aspirasi Putrajaya sebagai Bandar Hijau Rendah Karbon melalui:

- transaksi tanpa tunai,
- pengurangan plastik sekali guna,
- penggunaan beg guna semula, dan
- kempen mengelakkan pembaziran makanan.

Hadirin Sekalian,

PENUTUP

15. Putrajaya bukan sekadar pusat pentadbiran negara, tetapi simbol perkhidmatan awam yang bekerja setiap hari demi kesejahteraan rakyat.
16. Kerajaan akan terus memperkukuh inisiatif sosial dan komuniti agar pembangunan bandar seiring dengan kesejahteraan rakyat.
17. Kepada umat Islam, selamat menjalani ibadah puasa dan semoga Ramadan ini membawa kebaikan kepada semua.
18. Dengan ini, saya merasmikan Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan Peringkat Putrajaya Tahun 2026/1447 Hijrah.

Sekian, terima kasih.

TAMAT